

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 DISEMBER 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Inovatif mampu bawa PKS ke peringkat global	Utusan Malaysia
2.	SIRIM lancar dua inisiatif pacu produktiviti, pembangunan PKS	BERNAMA
3.	Inovasi SIRIM bantu PKS	Harian Metro
4.	Perasmian MRT Sungai Buloh – Kajang Fasa 1	Kosmo
5.	Siasatan menyeluruh nahas enam korban di LPT 2 masih berjalan	BERNAMA
6.	Tayar kenderaan dipercayai punca nahas	Berita Harian
7.	Tayar sudah dihantar ke pejabat kimia	Harian Metro

Inovatif mampu bawa PKS ke peringkat global

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**

ekonomi@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 15 DIS.**

PENGUSAHA perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini mampu berkembang serta menjadi pemain utama di peringkat global sekiranya prinsip serta amalan inovasi menjadi teras dalam pengurusan dan operasi mereka.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, penerapan prinsip serta amalan inovasi itu dilihat penting kerana ia berupaya menentukan kedudukan sebuah organisasi serta syarikat terus maju dan kekal mampan pada masa depan.

"Malah, ekonomi dunia ketika ini dipacu dengan inovasi yang memerlukan kepada pembangunan intensif pengetahuan, nilai tambah, penggunaan teknologi serta kesesuaian industri.

"Inovasi yang diperoleh daripada kejayaan pelaksanaan idea dan pengetahuan yang kreatif akan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang unik serta berbeza.

"Hasil inilah yang akan mendorong kepada pengeluaran produk serta perkhidmatan pada harga yang tinggi sekali gus meningkatkan pulangan pelaburan sebuah syarikat khususnya PKS," katanya.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri) menerima sijil keanggotaan *Food 4 Future* daripada **Ahmad Tajuddin Ali** sambil disaksikan **Mohamad Jamil Sulaiman** (kanan) selepas melancarkan Program Seminar Jaringan Inovasi *Food 4 Future* dan Standard Pengurusan Inovasi *SIRIM* di Shah Alam, semalam. - BERNAMA

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis pelancaran dua inisiatif strategik iaitu Jaringan Inovasi *Food 4 Future* dan Standard Pengurusan Inovasi oleh *SIRIM* Berhad (*SIRIM*) di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi *SIRIM*, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali dan Naib Presiden Penyelidikan dan Perindustrian, Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman.

Jaringan Inovasi *Food 4 Future* merupakan sebuah rangkaian fungsi dan operasi bersepadu di antara syarikat-syarikat PKS dalam sektor pemprosesan makanan dan minuman bersama rakan kongsi strategik iaitu *SIRIM* dan Institut Kejuruteraan Industri Fraunhofer (*Fraunhofer IAO*) dari Jerman.

Malah, jaringan itu merupakan perkongsian strategik jangka masa panjang yang menerima pakai model Fraunhofer dalam penyelidikangunaan bagi pembangunan PKS.

Sementara itu, Standard Pengurusan Inovasi *SIRIM* merupakan panduan umum kepada organisasi tanpa mengira sektor, saiz dan jenis yang ingin melaksanakan inovasi meliputi teknik, penerokaan idea, pemeriksaan, pembangunan, pengujian produk dan pasaran.

Dalam pada itu, Abu Bakar turut menyifatkan dua inisiatif berkenaan merupakan langkah signifikan dalam mewujudkan model perniagaan baharu kepada syarikat-syarikat tempatan khususnya PKS.



SIRIM Lancar Dua Inisiatif Pacu Produktiviti, Pembangunan PKS

SHAH ALAM, 15 Dis (Bernama) -- **SIRIM Bhd** hari ini memperkenalkan dua inisiatif strategik, Rangkaian Inovasi Food 4 Future dan Standard Pengurusan Inovasi SIRIM bagi menggalakkan produktiviti dan pembangunan mampan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan berteraskan teknologi serta inovasi.

Rangkaian Inovasi Food 4 Future bertujuan mewujudkan jaringan berasaskan kepercayaan bagi jalinan kolaboratif jangka panjang antara SIRIM dan PKS.

Standard Pengurusan Inovasi SIRIM pula merujuk garis panduan bagi industri perkhidmatan dan pembuatan Malaysia membabitkan kaedah pembangunan pertumbuhan inovasi menerusi pembudayaan dan aktiviti inovasi dalam proses yang lebih berstruktur.

Ketika melancarkan inisiatif itu, **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** menyifatkan inisiatif berkenaan sebagai tepat pada masanya dan sejajar keperluan negara mendapatkan model perniagaan baharu bagi merencanakan kemampanan kolaboratif jangka panjang antara SIRIM dan PKS.

"Saya berasa gembira kerana SIRIM sudah mengambil langkah-langkah proaktif mewujudkan satu Rangkaian Inovasi bertujuan menggalakkan inovasi dalam kalangan PKS. Ini sudah pastinya akan menyumbang secara langsung kepada rantai industri makanan," katanya berucap pada majlis itu di sini, hari ini.

Turut hadir, **Pengerusi SIRIM, Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin Ali**.

Abu Bakar turut menggesa semua PKS yang hadir di majlis berkenaan untuk mendapatkan salinan Standard Pengurusan Inovasi SIRIM bagi rujukan masing-masing serta sebagai panduan pelaksanaan pengurusan teknologi dalam perniagaan mereka.

Beliau juga memuji usaha SIRIM melancarkan Model Inovasi Perindustrian menerusi pakatan strategik SIRIM-Fraunhofer yang menggunakan prinsip model Fraunhofer dari Jerman dalam penyelidikan gunaah bagi pembangunan PKS.

"Bagi model ini, SIRIM bekerjasama dengan rakan strategik serta industri yang menyediakan perkhidmatan inovasi bidang penyelidikan dan pembangunan selain aspek penembusan pasaran bagi menyemarakkan pertumbuhan PKS," katanya.

-- BERNAMA

Inovasi SIRIM bantu PKS

Shah alam: Bagi membantu usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan, **Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)** memperkenalkan Jaringan Inovasi 'Food 4 Future' dan Standard Pengurusan Inovasi SIRIM.

Ia bertujuan meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan mampan dalam kalangan PKS tempatan menerusi kemudahan tek-

nologi dan inovasi sedia ada.

Pengerusi SIRIM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali berkata, Jaringan Inovasi 'Food 4 Future' adalah rangkaian fungsi dan operasi bersepadu PKS yang terbabit dalam sektor pemprosesan makanan.

Menurut beliau, Standard Pengurusan Inovasi SIRIM adalah standard memberikan panduan kepada industri pembuatan dan perkhidmatan di negara ini.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (PERASMIAN MRT) : MUKA SURAT 03
TARIKH : 16 DISEMBER 2016 (JUMAAT)



PERDANA MENTERI, Datuk Seri Najib Tun Razak (tengah) menyaksikan Pengarah Urusan SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Mohd. Azanuddin Salleh (kiri) menyampaikan sijil Pengurusan Kualiti ISO9001:2015 kepada Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar (dua dari kanan) pada majlis perasmian perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Kajang fasa pertama di Stesen Kwasa Damansara, Petaling Jaya semalam. Turut kelihatan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa (kanan).



Siasatan Menyeluruh Nahas Enam Korban Di LPT 2 Masih Berjalan

KUALA TERENGGANU, 15 Dis (Bernama) -- Siasatan menyeluruh berhubung nahas jalan raya yang meragut enam nyawa di Kilometer 288.6, berhampiran susur keluar Plaza Tol Chukai, Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT 2) Ahad lalu masih berjalan.

Ketua Polis daerah Kemaman, Supt Mohd Said Ibrahim berkata pihaknya menjangkakan akan memperolehi keputusan siasatan terbabit dalam masa terdekat.

Katanya, tayar kenderaan terbabit yang dipercayai punca berlakunya kemalangan itu telah dihantar ke **Jabatan Kimia Pahang** untuk pemeriksaan lanjut.

"Manakala kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Hyundai Starex yang terbabit dalam kemalangan itu juga dibawa ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) untuk pemeriksaan menyeluruh.

Siasatan lanjut sedang dilaksanakan bagi mengenal pasti punca kemalangan itu dan kita telah menghantar kenderaan dan tayar untuk pemeriksaan terperinci," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Kemalangan ngeri Ahad lalu yang membabitkan 10 anggota keluarga itu dikatakan berlaku selepas kenderaan MPV yang dipandu Ahmad Nasal Abd Rahman, 52, hilang kawalan ekoran satu tayar hadapan pancit lalu merempuh pembahagi jalan sebelum melanggar tiang jejambat.

Insiden itu menyebabkan isterinya, Mahani Ngah, 42, dan dua anak mereka Quratulnisa, 11, dan Ahmad Nijat, 9, meninggal dunia manakala tiga lagi anaknya mengalami kecederaan.

Turut meninggal dunia ialah abangnya iaitu Ahmad Razif Abdul Rahman, 63, bersama isteri Pauziyah Awang, 56, serta cucu mereka Sofea Adriana Shahrudin, 7.

-- BERNAMA

Tayar kenderaan dipercayai punca nahas

Chukai: Punca kemalangan yang meragut nyawa enam sekeluarga di Kilometer 288.6, Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) dekat susur keluar Chukai, Ahad lalu, dijangka dipero-
leh dalam masa terdekat.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Mohd Said Ibrahim, berkata tayar kenderaan dinaiki mangsa yang dikaitkan sebagai punca kemalangan, sudah dihan-
tar ke **Jabatan Kimia Pahang** untuk analisis.

"Bangkai kenderaan Hyundai Starex yang terbabit dalam kema-
langan dibawa ke Pusat Peme-
riksaan Kenderaan Berkomputer
(PUSPAKOM) untuk siasatan lanjut,"
katanya ketika dihubungi di sini,
semalam.

Mohd Said berkata, hasil siasa-
tan dijangka diperoleh dalam masa
terdekat.

Kemalangan kira-kira jam 5.30
petang Ahad lalu mengorbankan

Mahani Ngah, 42, dua anaknya,
Quratulnisa Ahmad Nasal, 11, dan
Ahmad Nijat, 9; kakak dan abang
iparnya, Pauziyah Awang, 56, serta
Ahmad Razis Abdul Rahman, 63,
dan cucu pasangan itu, Sofea Adri-
ana Shahrudin, 7.

Suami Mahani, Ahmad Nasal
Abdul Rahman, 52, dan tiga anak
mereka cedera parah.

Di **Kuala Lumpur**, Ketua Pusat
Penyelidikan Keselamatan Jalan
Raya, Fakulti Kejuruteraan Uni-
versiti Putra Malaysia (UPM), Prof
Dr Law Teik Hua, berkata keadaan
fizikal kenderaan termasuk tayar
yang tidak diselenggara dengan
baik, banyak menyumbang terha-
dap kemalangan hingga meragut
nyawa.

Lengah penukaran tayar

Katanya, kebanyakan pemilik
kenderaan memandang ringan
keadaan tayar, selain melengah-len-



Mohd Said Ibrahim

Fakta nombor

5.30 PETANG

kemalangan mengorbankan
enam sekeluarga

40,000 KILOMETER

had usia tayar kerana getah
sudah menjadi keras dan
tidak elastik, selain mudah
rosak

gahkan penukarannya walaupun
sudah mencapai tahap berbahaya.

Dalam keadaan itu, beliau berka-
ta, risiko tayar pecah boleh berlaku
hingga menyebabkan kenderaan
sukar dikawal.

"Tayar botak, gelembung atau
rosak boleh mempercepatkan risiko
meletup kerana terlalu panas ketika
geseran kuat di jalan raya, terutama
jika kenderaan dipandu laju.

"Had usia tayar tidak boleh
melebihi lima tahun atau penggu-
naan 40,000 kilometer kerana getah
sudah menjadi keras dan tidak elas-
tik, selain mudah rosak.

"Tekanan berlebihan atau
kurang juga boleh menyumbang
risiko tayar pecah, terutama jika
memandu lama pada kelajuan
tinggi di lebuhraya.

"Ia menyebabkan udara dalam
tayar menjadi panas dan berkem-
bang," katanya ketika dihubungi
BH, semalam.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 16 DISEMBER 2016 (JUMAAT)

Tayar sudah dihantar ke pejabat kimia

Keputusan siasatan mengenai punca kemalangan yang meragut enam sekeluarga di Kilometer 288.6, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2), berhampiran susur keluar Plaza Tol Chukai, pada Ahad

lalu, dijangka diperoleh dalam masa terdekat. Ketua Polis Daerah Kemaman Superintendan Mohd Said Ibrahim berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan dan belum memperoleh

laporan penuh berhubung punca kemalangan itu.

Katanya, tayar kenderaan itu yang dipercayai menjadi punca berlakunya kemalangan sudah dihantar ke **Pejabat Kimia Pahang** untuk dianalisis.